

jauh daripada makna asal peribahasa tersebut. Sebagai contohnya, “cubit paha kanan, paha kiri tak rasa apa-apa” dan “tiada rotan, pelemgang berguna juga”. Secara jelasnya, peribahasa yang dimodifikasikan itu sebenarnya tidak membawa apa-apa makna selain hanya untuk tujuan berlawak. Bentuk peribahasa moden itu juga tidak menggambarkan keindahan seni berbahasa serta menonjolkan nilai falsafah dan etos kemelayuan seperti yang dinyatakan pada bahagian awal makalah ini. Dapat dilihat bahawa peribahasa moden yang dicipta oleh generasi kini hilang nilai estetika seni berbahasa yang menjadi tunjang dalam penciptaan peribahasa tradisional. Aspek kemodenan yang diselitkan dalam peribahasa moden ini tidak menampakkan nilai kebijaksanaan dan ketinggian intelektual.

Peribahasa yang dimodifikasikan ini juga tidak sesuai digunakan untuk tujuan didaktik yang menjadi mungkin dalam penciptaan peribahasa tradisional. Kemunculan peribahasa moden itu hanya merosakkan identiti dan jati diri kemelayuan serta mencemarkan khazanah persuratan yang menjadi kebanggaan dalam dunia persuratan Melayu. Keadaannya berbeza apabila kita menggunakan peribahasa tradisional yang jelas menampakkan kepintaran akal, mengangkat citra dan nilai jati diri serta menyerlahkan etos bangsa tersebut, khususnya masyarakat Melayu.

Walaupun zaman berubah, kehidupan masyarakat berubah dan pandangan dunia turut berubah namun



Dapat dilihat bahawa peribahasa moden yang dicipta oleh generasi kini hilang nilai estetika seni berbahasa yang menjadi tunjang dalam penciptaan peribahasa tradisional. Aspek kemodenan yang diselitkan dalam peribahasa moden ini tidak menampakkan nilai kebijaksanaan dan ketinggian intelektual.



citra dan nilai jati diri bangsa seharusnya dilestarikan kerana hal ini yang menjadi tonggak dan identiti negara bangsa. Jika nilai kemanusiaan, kebijakan akal budi dan lambang jati diri dilacurkan untuk memenuhi tuntutan kemodenan dan cita rasa generasi baharu maka seni warisan bangsa pasti lenyap ditelan zaman. Oleh hal yang demikian, peribahasa Melayu yang menjadi cerminan kebijaksanaan intelektual masyarakat terdahulu harus dipertahankan dan dikekalkan turun-temurun. Generasi lama dan baharu juga harus memelihara acuan bahasa yang telah terbentuk sekian lama yang menjadi khazanah warisan sejak zaman-berzaman.

Kelestarian peribahasa Melayu yang mengandungi nilai falsafah dan etos negara bangsa harus dipertahankan dan dicanangkan kepada generasi muda agar warisan bahasa ini tidak hilang ditelan arus kemodenan dan globalisasi yang melingkari kehidupan masyarakat hari ini. Dalam hal ini, generasi lama seharusnya memimpin generasi baharu agar berpegang pada pepatah, “usul menunjukkan asal” yang bermaksud “budi bahasa menunjukkan keturunan” dan “sebab bahasa menunjukkan bangsa” yang bermaksud “budi bahasa menunjukkan bangsanya”. Dengan hal yang demikian, peribahasa sebagai satu warisan tradisional akan terus lestari dalam jiwa dan minda generasi muda. Kelangsungan peribahasa untuk menyampaikan mesej tersirat dan sindiran berkias akan menyerlah akal pintar Melayu yang bijak menyusun kata dan berbahasa secara beradab. Di samping itu, peribahasa juga menonjolkan identiti kemelayuan yang seharusnya dimartabatkan dan menjadi simbol kebijaksanaan intelektual masyarakat terdahulu dan kini.

Peribahasa sebagai warisan tradisional yang mencerminkan kepintaran akal dan keunggulan citra bangsa harus dipelihara dan dijadikan pegangan atau panduan oleh masyarakat dalam kehidupan bersosial. Hal yang sedemikian ini kerana peribahasa sarat dengan nilai positif dan unsur pengajaran yang tidak bercanggah dengan ajaran agama serta tidak menyimpang dari landasan hidup bermasyarakat yang mengutamakan keharmonian dan kesejahteraan.

Kemodenan tamadun bangsa juga seharusnya tidak merosakkan peribahasa yang menjadi “undang-undang lisan” masyarakat Melayu tradisional. Oleh hal yang demikian, kearifan tempatan ini seharusnya dimanfaatkan dan dilestarikan oleh generasi hari ini kerana peribahasa Melayu itu walaupun lama masih relevan sebagai pedoman dan panduan hidup. **PB**